

Anwar tak bimbang tidak dipilih jadi PM

BH - 11/1/2019 m/s: 12

India: Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau tidak bimbang jika sekali lagi tidak dipilih untuk menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri yang seterusnya dalam tempoh dua tahun akan datang.

“Saya sekarang berusia 71 tahun dan sudah sering diseksa hingga saya tidak lagi risau mengenai masa depan.

“Saya tahu orang politik tidak bermaksud mengenainya, tetapi saya menyatakan perkara sebenar. *Que Sera Sera* (apa yang terjadi biarlah terjadi),” katanya ketika ditemu bual akhbar India, *The Hindu*, semalam.

Ketika ditanya sama ada Dr Mahathir akan menyerahkan jawatan kepadanya, beliau berkata, mereka bersetuju menyatakannya tempoh peralihan jawatan itu tidak melebihi dua ta-

hun atau pada Mei 2020.

“Ya, kami berdua bersetuju dan parti juga sama yang mana tempohnya tidak lebih dua tahun (Mei 2020), tetapi saya berkata penting untuk kita tidak umumkan tarikhnya.

“Kami mahu Dr Mahathir mentadbir negara secara efektif dengan sokongan penuh, selain bersatu menumpukan kepada masalah ekonomi,” katanya.

Anwar berkata, keputusan bekerjasama dengan Perdana Menteri satu perkara yang sukar.

Satu keputusan sukar

“Saya bukan hipokrit dan saya akan kata ia satu keputusan sukar serta menyakitkan kepada isteri dan anak yang begitu menderita.

“Saya beritahu mereka agar pandang ke depan demi negara. Dr Wan Azizah (Timbalan Per-



Anwar Ibrahim

dana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail) komited dan teruskan kempen. Masalah dihadapi negara lebih teruk berbanding masalah saya,” katanya.

Namun, Anwar berkata, beliau tidak menyesal bekerjasama dengan Dr Mahathir dan memuji pemimpin negara itu sudah memberi hala tuju yang

jelas kepada kerajaan.

Sementara itu, Anwar yang ditanya mengenai penceramah kontroversi, Dr Zakir Naik yang sering didakwa merendahkan agama lain, beliau berkata, Kerajaan Malaysia akan bertindak atas ‘bukti yang tidak dapat ditolak’ terhadap penceramah berasal dari Mumbai, India itu.

“Kes Zakir Naik tidak dibangkitkan dengan saya secara peribadi. Kami tidak melayan semua tuduhan melainkan mempunyai bukti lengkap.

“Malaysia sangat tegas terhadap keganasan dan jika kami diberi bukti yang tidak dapat ditolak bahawa seseorang terabit, kami tidak sesekali bertolak ansur dengannya,” kata Anwar sambil menambah kerajaan tidak akan bertindak atas permintaan semata-mata.

AGENSI